

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1991/92

Jun 1992

JSE 242 - Ekonomi Buruh

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab EMPAT soalan.
3. Alat mesin kira tidak berprogram boleh digunakan.

...2/-

1. Tunjukkan dan terangkan perbezaan terhadap penentuan kadar upah dalam pasaran buruh yang berbentuk persaingan sempurna dengan pasaran buruh berbentuk monopsoni di mana pengeluar barangan adalah seorang pemonopoli. Jelaskan konsep "eksploitasi buruh" dan bincangkan kesannya terhadap penawaran buruh.

(25 markah)

2. Berikan sebab-sebab mengapa dasar memaksimumkan kadar upah tidak boleh dijalankan oleh kesatuan sekerja. Bincangkan satu model kesatuan sekerja yang paling sesuai bagi memaksimumkan upah dan nyatakan kelemahan yang terdapat dalam mengaplikasi model ini.

(25 markah)

3. Terangkan dengan jelas konsep "struktur upah". Kenalpasti perbezaan kadar upah dari segi

- (a) jenis pekerjaan
- (b) antara sektor
- (c) antara industri

Bincangkan sebab-sebab mengapa perbezaan upah penting dalam ekonomi hari ini.

(25 markah)

4. Berikan matlamat dan syarat-syarat bagi menentukan upah minima. Terangkan kesan upah minimum ke atas

- (a) kos buruh
- (b) keanjalan permintaan pasaran bagi barangan

Jelaskan bagaimana upah minimum boleh menyebabkan tidak berlakunya pertumbuhan ekonomi.

(25 markah)

5. Huraikan ciri-ciri utama tentang pengangguran di negara-negara sedang membangun. Cadangkan dan terangkan langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah pengangguran di Malaysia.

(25 markah)

6. Jelaskan konsep "kadar penyertaan buruh". Huraikan faktor-faktor yang menentukan kadar penyertaan tenaga buruh. Terangkan kesan kenaikan kadar upah ke atas penyertaan tenaga buruh.

(25 markah)